

Estée Lauder Companies dan Eastman menandatangani memorandum persefahaman untuk memajukan pembungkusan lestari

ELC akan memasukkan produk Renew Eastman dalam portfolio pembungkusannya untuk membolehkan pencapaian matlamat pembungkusan lestari 2025

NEW YORK dan KINGSPORT, Tennessee, 30 Mac 2021 /PRNewswire/ -- [Estée Lauder Companies \(ELC\)](#) dan penyedia bahan khusus [Eastman](#) hari ini mengumumkan memorandum persefahaman global (MOU) yang membolehkan ELC mengambil langkah penting bagi mencapai matlamat pembungkusan lestari 2025.

Melalui perjanjian tersebut, ELC dan portfolio jenamanya akan mula menggabungkan penyelesaian pembungkusan yang didayakan oleh teknologi kitar semula molekul dan portfolio resin Renew Eastman dengan kandungan kitar semula yang diperakui hingga 100%.* Ini merupakan perjanjian berasaskan kelestarian yang pertama antara Eastman dan syarikat produk kecantikan berprestij yang utama serta akan membantu meningkatkan penggunaan plastik kitar semula dan/atau boleh dikitar semula dalam pembungkusan kosmetik mewah.

"Para pembekal kami memainkan peranan penting dalam membantu Estée Lauder Companies untuk terus bergerak maju dan berfikir secara inovatif tentang kelestarian," kata Roberto Magana, Naib Presiden Kanan merangkap Ketua Pegawai Perolehan Estée Lauder Companies. "Teknologi kitar semula molekul dan portfolio produk Renew Eastman akan membantu dalam mendorong pencapaian matlamat pembungkusan lestari syarikat sambil mengekalkan ciri-ciri estetik, keselamatan dan prestasi yang berkualiti tinggi bagi produk berprestij kami. Kami tidak sabar untuk bekerjasama dengan mereka."

Portofolio Eastman merangkumi barisan poliester kitar semula molekul yang baru diperkenalkan yang dihasilkan melalui proses Kitar Semula Kitaran Canggih (Advanced Circular Recycling) Eastman. Resin lestari ini yang merangkumi Cristal™ Renew Eastman dan Tritan™ Renew Eastman diperbuat menggunakan 100% kandungan kitar semula yang diperakui oleh Pensijilan Karbon & Kelestarian Antarabangsa (International Sustainability & Carbon Certification, ISCC)* dan tidak dapat dibezakan secara kimia dengan resin seumpama dari legasinya. Ia menunjukkan pemprosesan mudah berkualiti tinggi yang sama bagi polimer asli dengan kejelasan, kilauan dan keserasian warna serta permintaan pembungkusan kosmetik yang tahan lama—yang turut menyediakan kandungan kitar semula premium.

MOU ini akan menjadikan ELC lebih fokus kepada matlamat pembungkusan lestarnya. Syarikat tersebut telah memberikan komitmen bahawa sebanyak 75 hingga 100% daripada pembungkusannya akan boleh dikitar semula, boleh diisi semula, boleh digunakan semula, kitar semula atau boleh dipulihkan menjelang tahun 2025. Selain itu, syarikat akan meningkatkan jumlah bahan kitar semula pasca pengguna dalam pembungkusannya hingga 50% pada tahun yang sama.

"Kami berbangga dapat bekerjasama dengan Estée Lauder Companies, salah sebuah syarikat kecantikan berprestij paling ikonik di dunia dan peneraju sebenar dalam kelestarian," kata Scott Ballard, Naib Presiden merangkap Pengurus Besar Bahagian Plastik Khusus Eastman. "Kami teruja untuk membantu mereka mencapai matlamat besar terhadap kelestarian pada masa ini. Bersama-sama, kami boleh memberikan contoh terbaik tentang perkara yang boleh dicapai pada hari ini—bukan beberapa tahun akan datang—untuk memajukan ekonomi kitaran."

**Kandungan kitar semula ini dicapai dengan memperuntukkan plastik sisa kitar semula kepada resin Renew Eastman menggunakan proses keseimbangan secara besar-besaran yang diperakui oleh ISCC.*

Tentang Estée Lauder Companies Inc.

[Estée Lauder Companies Inc.](#) merupakan salah satu pengeluar dan pemasar produk penjagaan kulit, solekan, wangian dan penjagaan rambut berkualiti yang terkemuka di dunia. Produk syarikat ini dijual di

kira-kira 150 buah negara dan wilayah di bawah nama jenama yang merangkumi: Estée Lauder, Aramis, Clinique, Lab Series, Origins, Tommy Hilfiger, M·A·C, La Mer, Bobbi Brown, Donna Karan New York, DKNY, Aveda, Jo Malone London, Bumble and bumble, Michael Kors, Darphin, TOM FORD BEAUTY, Smashbox, Ermenegildo Zegna, AERIN, RODIN olio lusso, Le Labo, Editions de Parfums Frédéric Malle, GLAMGLOW, KILIAN PARIS, BECCA, Too Faced dan Dr. Jart+.

Tentang Eastman

Ditubuhkan pada tahun 1920, [Eastman](#) ialah sebuah syarikat bahan khusus global yang menghasilkan pelbagai produk yang terdapat dalam barangan kegunaan harian orang ramai. Dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti kehidupan secara material, Eastman bekerjasama dengan pelanggan bagi menyampaikan penyelesaian dan produk yang inovatif sambil mengekalkan komitmen terhadap keselamatan dan kelestarian. Model pertumbuhan yang didorong oleh inovasi syarikat tersebut memanfaatkan platform teknologi bertaraf dunia, penglibatan pelanggan yang kukuh dan pembangunan aplikasi yang berbeza untuk meningkatkan kedudukannya sebagai peneraju dalam pasaran akhir yang menarik seperti pengangkutan, bangunan dan pembinaan serta barangan guna habis. Sebagai sebuah syarikat yang pelbagai dan inklusif di peringkat global, Eastman mempunyai kira-kira 14,500 orang pekerja di seluruh dunia dan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan di lebih 100 buah negara. Syarikat ini memperoleh pendapatan kira-kira \$9.3 bilion pada tahun 2019 dan beribu pejabat di Kingsport, Tennessee, AS. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.eastman.com.

Hubungan Media

Estée Lauder Companies

Bari Seiden-Young
(212) 572-4475
bseiden@estee.com

Eastman

Laura Mansfield, APR
The Tombras Group
+1 (865) 599.9968
lmansfield@tombras.com